

**Sumbangan Perlu Untuk Mangsa Banjir - Presiden MCA
Bernama
Dec 26, 2014**

KUALA LUMPUR, 26 Dis (Bernama) -- Presiden MCA Datuk Seri Liow Tiong Lai hari ini merayu sumbangan daripada semua pihak untuk mangsa banjir di Kelantan yang teruk dilanda bencana itu yang menyebabkan mereka terputus bekalan air, elektrik dan makanan.

"Mangsa amat memerlukan bantuan, lebih-lebih lagi apabila kebanyakan kawasan tidak dapat dihubungkan melalui jalan raya dan kemudahan komunikasi yang tidak mencukupi," kata beliau dalam kenyataan di sini, hari ini.

Kenyataan itu dikeluarkan setibanya di Kuala Krai, Kelantan selepas menaiki helikopter yang sarat dengan muatan bekalan makanan dan air dari Subang pagi tadi dan meninjau keadaan banjir di Gua Musang, Kuala Krai dan Kota Baharu serta di Kemaman, Terengganu.

Rombongannya termasuk Timbalan Presiden MCA Datuk Dr Wee Ka Siong dan Pengerusi Jawatankuasa Perhubungan MCA Kelantan merangkap Naib Presiden parti Datuk Dr Hou Kok Chung.

Beliau berkata MCA juga telah menggerakkan Skwad Bantuan Krisis (CRSM) untuk membantu dalam operasi kemanusiaan dan menyelaraskan logistik bagi bekalan di kawasan-kawasan yang dilanda banjir.

Sementara itu, Liow menggesa PAS menunjukkan simpati terhadap penderitaan mangsa banjir dan menarik balik rancangannya untuk membentangkan Rang Undang-Undang Kanun Jenayah Syariah II Kelantan 1993 (Pindaan 2014) atau hudud.

"Dalam keadaan seperti ini, kerajaan PAS masih tidak berganjak dengan rancangan asalnya untuk mengadakan persidangan khas Dewan Undangan Negeri pada 29 Dis bagi melaksanakan Enakmen Kanun Jenayah Syariah (II) 1993 (Enakmen Hudud) di Kelantan," kata beliau.

Beliau juga kesal terhadap ketidakupayaan DAP untuk menghalang rakannya dalam Pakatan Rakyat itu daripada melaksanakan rancangan itu dan "hanya membawa propaganda kosong".

DAP sepatutnya meminta dan memastikan Pakatan melaksanakan usaha yang konstruktif bagi mangsa banjir, kata beliau.

-- BERNAMA

Source :<http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1096456>